

09 NOV 1998

Parlimen-Gulung (Defisit)

KERAJAAN KENAL PASTI KWSP SEBAGAI SUMBER UTAMA BIAYAI DEFISIT

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Kerajaan telah mengenal pasti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai sumber utama dalam negeri untuk membiayai sebahagian defisit Belanjawan 1999.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata kerajaan tidak akan menggunakan sumber pembiayaan daripada sistem perbankan untuk memastikan sektor swasta mendapat pinjaman yang cukup bagi membiayai aktiviti ekonomi.

Sebanyak dua pertiga daripada keperluan pembiayaan akan diperolehi daripada sumber dalam negeri dan bakinya satu pertiga dari luar negeri, katanya dalam ucapan penggulungan perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Pada 23 Okt lepas ketika membentangkan belanjawan negara tahun depan, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan belanjawan 1999 dijangka mengalami defisit RM16.635 bilion.

"Sumber utama dalam negeri yang dikenal pasti ialah KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang berupaya mengumpul caruman baru sebanyak RM1 bilion setiap bulan," kata Mustapa hari ini.

Beliau berkata pada masa yang sama, kerajaan juga sedang berunding untuk mendapatkan pinjaman luar negeri daripada institusi pelbagai hala serta negara-negara tertentu.

Mustapa berkata dengan jangkaan ekonomi akan pulih tahun depan, kutipan hasil akan meningkat dan seterusnya menyumbang kepada kekukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Menurut beliau hutang luar Kerajaan Persekutuan masih kecil iaitu RM11.9 bilion pada akhir 1998 atau 4.6 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) manakala Nisbah Khidmat Hutang (DSR) Kerajaan Persekutuan hanyalah 0.9 peratus.

"Jika diambil kira hutang luar sektor swasta dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan, DSR luar negara ialah 7.2 peratus iaitu masih jauh lebih kecil dari purata DSR dunia pada kadar 20 peratus. Oleh yang demikian, kita masih boleh meminjam," katanya.

Mengenai kebimbangan bahawa caruman rakyat dalam KWSP digunakan, Mustapa berkata secara amnya KWSP merupakan pelanggan utama kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) seperti yang dibenarkan di bawah Akta KWSP.

Katanya pelaburan itu adalah pelaburan jangka panjang yang selamat dengan kadar pulangan yang terjamin.

Mustapa berkata sungguhpun KWSP menetapkan pelaburan dalam MGS tidak kurang dari 50 peratus daripada jumlah pelaburan KWSP, pada masa ini hanya 28 peratus sahaja yang telah dilaburkan dalam MGS oleh kerajaan tidak perlu membuat pinjaman berikutan kedudukan kewangan yang kukuh dalam beberapa tahun lepas.

Beliau berkata pelaburan KWSP dalam pasaran saham pula dilakukan sebagai langkah untuk memperibagakan pelaburan di samping mendapat pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang.

"Pembelian saham adalah berpandukan kepada kekukuhan dan potensi syarikat. Kerajaan akan memastikan pelaburan KWSP akan sentiasa teratur dan kepentingan pencarum terjamin," katanya.

Menurut Mustapa pelaburan KWSP dalam pegangan ekuiti saham adalah sebanyak 18 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan KWSP.

Mengenai cadangan supaya caruman majikan dikurangkan daripada 12 peratus kepada 10 peratus dan caruman pekerja yang berpendapatan kurang

RM1,000 sebulan ditanggung majikan, Mustapa berkata KWSP adalah skim tabungan untuk faedah persaraan pekerja sendiri dan berdasarkan kadar caruman bulanan semasa iaitu majikan sebanyak 12 peratus dan pekerja 11 peratus daripada pendapatan upah pekerja.

"Di negara-negara lain caruman pekerja adalah besar. Kerajaan berpendapat adalah wajar pekerja dan majikan terus mencarum kepada KWSP mengikut kadar caruman bulanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta KWSP," katanya.

Mustapa berkata jangkakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak satu peratus pada 1999 adalah berdasarkan kepada beberapa faktor.

Antaranya ialah jangkakan perdagangan dunia meningkat lebih pesat sedikit tahun depan iaitu pada kadar 4.6 peratus berbanding 3.7 peratus pada 1998 dan langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan ekonomi negara.

Katanya sektor pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak satu peratus berbanding kuncupan 5.8 peratus (1998), keluaran sektor pertanian yang mengalami kuncupan sebanyak 5.9 peratus (1998) dijangka meningkat kembali sebanyak 3.9 peratus (1999) dan keluaran sektor perlombongan dijangka pulih pada 1999 sebanyak 1.3 peratus, didorong oleh peningkatan keluaran gas sebanyak 7.5 peratus.

Mustapa berkata kerajaan sedar bahawa keadaan ekonomi antarabangsa masih lagi tidak menentu dan jika krisis kewangan semasa berpanjangan ia akan menjejaskan prestasi ekonomi negara yang merupakan rakan dagangan utama Malaysia dan seterusnya menjejaskan eksport Malaysia.

"Sebaliknya, sekiranya pasaran kewangan global dapat distabilkan lebih awal dan prestasi ekonomi rakan dagangan utama Malaysia lebih baik, permintaan luar untuk eksport Malaysia mungkin lebih pesat daripada yang dijangka ketika ini.

"Oleh yang demikian, pertumbuhan KDNK bagi tahun 1999 mungkin melebihi kadar satu peratus," katanya.

-- BERNAMA

HS NZ NMO